

11 MAY 1998

Mahathir-Indonesia

MAHATHIR UMUMKAN PINJAMAN AS\$250 JUTA KEPADA INDONESIA

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah memberi pinjaman AS\$250 juta kepada Indonesia sementara negara itu menanti suntikan kewangan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) bagi membantu memulihkan ekonominya.

Beliau berkata Indonesia akan membayar balik pinjaman itu sebaik sahaja IMF mengeluarkan wang yang dijanjikan di bawah pakej bantuannya kepada negara itu.

Bercakap kepada sekumpulan pelajar Malaysia di kediaman Duta Besar Malaysia ke Mesir di sini semalam, beliau berkata bantuan segera itu diperlukan memandangkan keadaan ekonomi Indonesia yang semakin meruncing yang telah juga mencetuskan rusuhan pelajar ekoran penarikan balik subsidi harga minyak seperti yang disyaratkan oleh pakej IMF itu.

Katanya akibat krisis kewangan di kedua-dua negara, matawang Indonesia telah jatuh lebih 400 peratus manakala matawang Malaysia lebih 50 peratus.

Apabila diminta memberi butiran mengenai bantuan itu oleh wartawan Malaysia pada persidangan berita sebelum mengakhiri lawatan rasminya selama tiga hari ke sini lewat semalam, Dr Mahathir menyifatkan bantuan itu sebagai satu pendahuluan penyambung.

Katanya, Bank Dunia telah menjanjikan pinjaman AS\$3 bilion kepada Indonesia sebagai sebahagian daripada pakej IMF tetapi IMF berkata ia akan mengeluarkan bantuan itu dalam tiga peringkat, setiap satu sebanyak AS\$1 bilion.

"Indonesia berharap akan dapat AS\$3 bilion, sebab itu maka Indonesia terpaksa mendapat pendahuluan penyambung. Mereka mendapat sebahagian lagi daripada Jepun dan Australia.

"Kita cuba menolong setakat yang kita boleh," katanya.

Ditanya mengenai sama ada Malaysia sebagai jiran terdekat Indonesia "amat bimbang" tentang situasi di Indonesia sekarang ekoran rusuhan pelajar dan beberapa penunjuk perasaan ditembak mati minggu lepas, beliau berkata:

"Kita tidak boleh campur dalam urusan rumah tangga jiran kita tetapi setakat yang boleh bantu, kita akan bantu.

"Dan kita ingin tahu apa lagi yang kita boleh buat," kata beliau.

Mengenai sama ada beliau akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto yang kini berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G15) yang bermula hari ini, Dr Mahathir berkata beliau mungkin berbuat demikian.

Apabila diminta untuk memberi penilaiannya tentang sejauh manakah implikasi kemerosotan ekonomi yang melanda Malaysia sekarang akan menjejaskan negara, termasuk perbelanjaan kerajaan dan juga kepada Belanjawan 1999, Dr Mahathir berkata ini belum dapat ditentukan sepenuhnya.

"Teruk bagaimana kita belum dapat tentukan. Tetapi sudah tentu ia akan memberi kesan. Kalau kita perhatikan syarikat-syarikat kita tidak lagi mengisytiharkan keuntungan seperti dahulu. Jadi kalau mereka tidak untung, kerajaan juga tidak dapat memungut cukai," katanya.

Mengenai perkara yang sama semasa bercakap kepada sekumpulan pelajar Malaysia sebelum itu, Dr Mahathir memberi senario korporat yang muram bagi tahun ini.

Katanya pada tahun lepas, 15 syarikat yang terbesar di Malaysia mengisytiharkan keuntungan berjumlah RM9 bilion, tetapi satu kajian menunjukkan pada tahun ini, mereka hanya mampu mencatat keuntungan RM1.5 bilion, iaitu kejatuhan lima kali ganda.

Oleh itu kerajaan terpaksa mengurangkan lagi perbelanjaannya memandangkan pungutan cukai yang merupakan sumber utama pendapatan kerajaan dijangka menurun dengan banyaknya tahun ini.

Katanya ekoran itu juga Malaysia terpaksa mengambil langkah-langkah seperti mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mengurangkan import serta meningkatkan perdagangan luar.

Mengenai hasil lawatannya ke sini, Dr Mahathir berkata perbincangan dengan Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri Dr Kamal Ahmed Al-Ganzouri sangat positif dan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang "mengganggu" perdagangan Malaysia dengan Mesir.

Ini termasuk minyak kelapa sawit dari Malaysia disyaratkan menjalani pemeriksaan radioaktiviti.

"Pihak Mesir bersetuju ini tidak perlu lagi. Ini kita harap akan meningkatkan eksport kelapa sawit kita ke Mesir," katanya.

Kumpulan Sime Darby dari Malaysia mempunyai satu projek usahasama dengan Mesir melalui dua kilang penapis minyak kelapa sawit di kawasan Suez dan di kawasan Perindustrian Ramadan dekat sini.

Syed Aminuddin Syed Zakaria, Penolong Pengurus Besar (Kewangan) Sime Darby Edible Oil Products Egypt Company, memberitahu Bernama usahasama yang mula beroperasi pada 1993 itu kini amat berdaya maju.

Katanya, kelapa sawit yang diimport dari Malaysia diproses di kilang-kilang itu dan pengeluarannya dijual sepenuhnya dalam pasaran Mesir.

"Tiada rancangan setakat ini untuk memperluaskan pasaran ke negara-negara Arab yang lain kerana penggunaan minyak sawit di Mesir pun cukup besar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata untuk meningkatkan perdagangan perlu ada penerbangan secara langsung dari Kuala Lumpur ke Kaherah. Kini Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan ke ibu negara Mesir ini melalui Dubai dan Beirut.

"Kerajaan Mesir bersetuju MAS boleh terbang secara langsung ke Kaherah tetapi mestilah ada pakatan dengan syarikat penerbangan Mesir, Egypt Air," katanya.

Naib Presiden Kanan MAS Datuk Bashir Ahmad memberitahu pemberita jumlah penumpang bagi perkhidmatan Kuala Lumpur-Kaherah melalui Dubai dan Beirut kian meningkat.

Bagaimanapun, oleh kerana tiada perjanjian "Fifth Freedom" antara MAS dan Egypt Air, MAS tidak boleh mengambil penumpang di Dubai dan Beirut ke Kaherah.

"Satu perjanjian mungkin boleh dirunding dengan Egypt Air untuk membolehkan MAS berbuat demikian di masa akan datang. Buat masa sekarang penerbangan secara langsung mungkin belum menguntungkan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Mesir juga bersetuju membenarkan kemasukan tanpa visa selama 15 hari bagi rakyat masing-masing.

Mengenai pelaburan Malaysia di Mesir, beliau berkata oleh kerana Malaysia kini kekurangan modal, pendekatan yang boleh diambil melalui pakatan tiga penjuru dengan negara-negara Teluk termasuk Arab Saudi boleh menjadi rakan pelaburan yang ketiga.

Dr Mahathir akan menghadiri Sidang Kemuncak G-15 yang bermula hari ini sebelum mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Sudan, yang merupakan lawatan rasmi pertama oleh seorang perdana menteri Malaysia ke negara Afrika yang terbesar itu.

-- BERNAMA

AU AKD